

SH 18/3/19 Penyu agar ditemui mati m/s 37

**KEMAMAN** - Seorang nelayan yang sedang mencari tulang sotong katak di tepi pantai terkejut apabila menemui bangkai seekor penyu agar di Pantai Kampung Che Wan, Kijal, semalam

Che Wan Seimi Che Wan Sidek, 49, berkata, bangkai penyu itu ditemui terdampar di pantai itu kira-kira jam 9.30 pagi.

Menurutnya, bangkai berkenaan dipercayai dibawa ombak ke darat ketika air pasang, malam kelmarin.

"Saya terkejut melihat satu objek berwarna gelap dari jauh dan memang terdetik di hati ia adalah bangkai penyu. Saya segera berlari mendekati objek itu dan memang betul-betul ia bangkai penyu.

"Tengok kepada keadaan bahagian permukaan cangkerang yang dah tercabut, mungkin penyu ini dah mati beberapa hari sebelum terdampar," katanya.

Che Wan Seimi berkata, kawasan

sepanjang Pantai Kampung Che Wan sememangnya menjadi lokasi pendaratan penyu untuk bertelur sejak dahulu.

Katanya, penemuan bangkai penyu sangat menyedihkan kerana ia akan nyumbang kepada kepupusan penyu.



**Che Wan Seimi** sayu melihat penyu yang mati terdampar di Kampung Che Wan, Kijal.